

Headline **Penyelidik FRIM menang anugerah**  
Date **04 Oct 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **24**  
Article Size **497 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **9,823**  
PRValue **29,469**



# Penyelidik FRIM menang anugerah

**D**UA penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mengharumkan nama negara selepas diumumkan memenangi anugerah saintifik peringkat antarabangsa baru-baru ini.

Kedua-duanya, **Dr. Nor Azah Mohammad Ali** dan **Tnah Lee Hong** telah menerima anugerah saintifik pada Kongres Sedunia, Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Perhutanan ( IUFRO) ke-23 yang berlangsung di Seoul, Korea Selatan.

**Dr. Nor Azah**, pemenang Anugerah Sainitis FRIM tahun lalu, merupakan seorang daripada 11 saintis dari seluruh dunia yang dipilih untuk menerima Anugerah Pencapaian Sainitis itu bulan lalu.

Sementara, **Lee Hong** yang bertugas di Makmal Genetik di Bahagian Bioteknologi FRIM pulá menerima Anugerah Pelajar Cemerlang dalam bidang Sains Perhutanan.

Beliau adalah salah seorang daripada tiga penerima dalam kategori tersebut.

**Dr. Nor Azah**, 47, mempunyai pengalaman 23 tahun dalam penyelidikan sebatian kimia semulajadi terutamanya bidang minyak pati yang berkaitan dengan perhutanan, pertanian dan industri herba.

Sebagai Ketua Program Pembangunan Produk Herba FRIM, beliau mengetuai sekumpulan penyelidik multi-disiplin yang aktif dalam penyelidikan minyak pati, herba dan pembangunan produk kosmeseutikal di FRIM.

Skop penyelidikan mereka termasuk teknologi ekstrak minyak pati, penilaian

deria hidu, pemprofilan kimia, bioaktiviti dan formulasi produk.

Beliau telah mendaftarkan

pendedahan reka cipta dan memenangi 12 anugerah reka cipta.

Beberapa hasil penyelidikan beliau telah dikomersialkan oleh industri herba tempatan. Sefain pembangunan produk, beliau juga terlibat dalam penyelidikan gaharu.

**Dr. Nor Azah** memperoleh ijazah daripada University of Waterloo, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau mula berkhidmat di FRIM sebagai Penolong Pegawai Penyelidik pada tahun 1987 dan dilantik sebagai Pegawai Penyelidik Kanan pada tahun 2003.

**Lee Hong**, 29, menyertai FRIM sebagai pegawai penyelidik selepas menamatkan pengajian dalam Industri Biologi di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Beliau juga telah mendapat ijazah Sarjana dalam bidang Sumber Genetik dari Universiti Putra Malaysia.

Skop penyelidikan beliau merangkumi teknologi penanda molekular, forensik perhutanan, filogeografi dan genetik populasi tumbuhan.

Melalui tesis sarjananya, beliau telah menghasilkan pangkalan data pemprofilan DNA yang komprehensif ke atas chengal (*Neobalanocarpus heimii*) untuk penyiasatan forensik perhutanan.

Penjanaan pangkalan data DNA itu merupakan kajian pertama dilaporkan dalam spesies pokok tropika. Kaedah itu dapat dijadikan model untuk penjanaan pangkalan data bagi spesies kayu balak lain yang penting di negara ini.

Dengan kewujudan pangkalan data itu, kapasiti Jabatan Perhutanan dalam menangani masalah pembalakan haram akan dipertingkatkan.

Ini secara tidak langsung akan memastikan pemuliharaan dan penggunaan sumber hutan secara lestari di Malaysia.

Sebelum ini, beberapa saintis FRIM juga telah diberi pengiktirafan saintifik oleh IUFRO.

Mereka termasuk Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod**, yang menerima Anugerah Pencapaian Sainitis IUFRO pada tahun 1995; **Dr. Lee Su See**, Anugerah Pencapaian Sainitis (2000) dan **Dr. Rahim Sudin**, Anugerah Penyelidikan Doktorat

*Cemerlang (Outstanding Doctoral Research Award)* juga pada tahun 2000.

IUFRO adalah satu rangkaian antarabangsa bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan yang ditubuhkan pada tahun 1892 untuk memupuk kerjasama global dalam penyelidikan berkaitan perhutanan dan meningkatkan persefahaman aspek ekologi, ekonomi dan sosial hutan.

Ia menyatukan lebih 15,000 saintis dari hampir 700 persatuan di lebih 110 negara yang menjadi ahlinya.

FRIM telah menjadi ahli IUFRO yang aktif sejak tahun 1978.

Ketua Pengarahnya yang pertama, **Tan Sri Dr. Salleh Mohd. Nor** pernah menyandang jawatan Timbalan Presiden IUFRO (1987-1990) dan Presiden IUFRO (1990-1995).

Pertubuhan itu memberi pelbagai pengiktirafan kepada mereka yang telah menyumbang kepada kemajuan sains serta mempromosi kerjasama antarabangsa dalam semua bidang yang berkaitan dengan perhutanan termasuk Anugerah Poster Terbaik dan Anugerah Tuan Rumah Kongres Sedunia IUFRO.



**DR. NOR AZAH MOHAMMAD ALI**



**TNAH LEE HONG**

Headline **Penyelidik FRIM menang anugerah**  
Date **04 Oct 2010**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **24**  
Article Size **497 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **9,823**  
PRValue **29,469**



**TNAH Lee Hong mengharumkan nama negara dan FRIM apabila menerima Anugerah Pelajar Cemerlang dalam bidang Sains Perhutanan dari IUFRO baru-baru ini.**